

Perpaduan Teras Kekuatan Institusi – Zambry

Kuala Lumpur, 1 Julai - Kekuatan sesebuah institusi pendidikan tidak hanya bergantung kepada kemudahan fizikal mahupun pencapaian individu, sebaliknya terletak pada semangat kolektif, kesepaduan tindakan serta perpaduan warga institusi tersebut.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir berkata, kejayaan yang bersifat lestari hanya akan dapat dicapai sekiranya seluruh warga sesebuah universiti bergerak secara bersatu sebagai satu pasukan. "Tiada kejayaan yang dapat bertahan lama tanpa perpaduan, kepercayaan bersama dan kesepaduan tindakan. Inilah kekuatan sebenar mana-mana institusi pendidikan."

Beliau berkata demikian semasa menyampaikan amanat dalam Majlis Penutup Program Karisma Pemikir MADANI bersama warga kepimpinan tertinggi Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di Royale Chulan Damansara, baru-baru ini.

Program berkenaan menghimpunkan lebih 100 peserta, termasuk ahli Lembaga Pengarah universiti, barisan kepimpinan tertinggi, para pentadbir serta ketua-ketua fakulti dan jabatan.

Zambry turut menegaskan bahawa budaya toksik, perpecahan dalaman serta politik kampus yang bersifat melemahkan harus dihentikan segera kerana ia boleh mengakis integriti dan mengancam kelangsungan kecemerlangan universiti. "Kita tidak mampu membiarkan racun ini meresap ke dalam akar sistem pentadbiran dan akademik. Dunia akademik sepatutnya menjadi medan intelektual yang subur, bukan pentas persengketaan yang memecah-belahkan.

Beliau turut menzahirkan penghargaan terhadap kesungguhan yang ditunjukkan oleh warga UPSI dalam memacu institusi itu ke tahap lebih tinggi dan progresif. "Saya amat yakin dengan iltizam yang ditunjukkan hari ini, UPSI mampu melonjak bukan sahaja sebagai peneraju pendidikan negara, malah menjadi

pencetus perubahan dalam landskap pendidikan tinggi yang lebih berdaya tahan," ujar beliau.

Dalam majlis yang sama, Zambry turut melancarkan buku bertajuk Pelan Pengurusan Isu & Krisis Universiti Universiti terbitan Bahagian Komunikasi Korporat UPSI yang berperanan sebagai wadah pemikiran strategik serta cadangan penyelesaian terhadap pelbagai isu kritikal di universiti, termasuk aspek tadbir urus, komunikasi strategik dan pengurusan krisis yang berkesan. Sementara itu, Naib Canselor UPSI, Profesor Datuk Dr. Md Amin Md Taff menyambut baik penganjuran program berimpak tinggi itu yang menurutnya memberi ruang refleksi kepimpinan secara mendalam kepada barisan pengurusan tertinggi UPSI.

"Program ini menjadi medan penting untuk memperkukuh kefahaman terhadap aspirasi kerajaan MADANI serta menyatukan pemikiran strategik antara pimpinan universiti dalam menjayakan misi pendidikan tinggi negara. Menurut beliau, amanat yang disampaikan oleh Menteri Pendidikan Tinggi memberi suntikan semangat dan arah tuju yang jelas kepada warga universiti.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



UPSI Wind Orchestra rangkul emas, markah tertinggi di miwFEST 2025

Ipoh, 4 Julai - UPSI mengharumkan nama negara apabila pasukan UPSI Wind Orchestra meraih Gold Award dan markah tertinggi dalam Kategori Terbuka di Malaysian International Wind Festival (miwFEST) 2025 baru-baru ini.

Naib Canselor UPSI, Profesor Datuk Dr. Md Amin Md Taff berkata, kejayaan pasukan dianggotai 71 ahli itu membuktikan bakat serta dedikasi tinggi daripada pasukan tersebut. Menurutnya, pasukan yang dibimbing beberapa pensyarah terdiri daripada Mohd Mustaqim Abdullah, Aiman Ikram Uyub, Zamrus Hashim, dan Wan Mohd Syaril Annuar Wan Mohd Harith menjadi tunjang utama kepada pencapaian luar biasa itu. “Kita cukup berbangga dan gembira atas

pencapaian tersebut. Kejayaan ini adalah hasil kerja keras, komitmen, dan semangat berpasukan yang ditunjukkan oleh pasukan UPSI Wind Orchestra, pensyarah pembimbing, serta semua pihak yang terlibat. “Ini membuktikan bahawa UPSI bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik, tetapi berupaya melahirkan bakat-bakat seni yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa,” katanya dalam satu kenyataan.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Dr. Norkhalid Salimin berkata, kejayaan ini adalah komitmen tinggi pelajar-pelajar UPSI dalam mencapai kecemerlangan holistik, seiring dengan aspirasi ‘Ukhuwah-Prihatin-Santun-Impak’.

Raja, Ratu Pecut milik atlet UPSI

Terengganu, 30 Jun - Dua atlet Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) berjaya mendominasi acara pecut 100 meter lelaki dan wanita sekali gus menyapu gelaran Raja dan Ratu Pecut pada Kejohanan Varsity Track & Field (VTF) Sirkit 2 di Stadium Universiti Sultan Zainal Abidin (UniZA), Kuala Terengganu pada Jumaat.

Danish Iftikhar Muhammad Roslee mempamerkan prestasi cemerlang dalam acara akhir 100 meter dengan catatan masa 10.32 saat di samping berjaya mencipta rekod baharu untuk acara tersebut. Sementara rakan sepasukan beliau, Nurul Wardatul Huwaida Mohd Hamka turut melakar kejayaan gemilang dengan merangkul gelaran acara sama kategori wanita selepas mencatat masa 12.12 saat, menewaskan peserta dari institusi pengajian tinggi lain.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPSI, Prof. Dr. Norkhalid Salimin berkata, kejayaan berganda itu membuktikan dominasi UPSI dalam acara pecut. “Kemenangan berganda ini membuktikan keunggulan UPSI dalam acara pecut dan menjadi pembuka tirai yang cemerlang buat kontinjen universiti tersebut pada kejohanan edisi kali ini,” katanya dalam satu kenyataan, pada Ahad.

Sementara itu, Pegawai Perhubungan Kelab Olahraga UPSI, Ali Zainal Abidin Lokman berkata, kejohanan tersebut merupakan antara platform terbaik dalam mencungkil bakat-bakat pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) dalam acara trek dan balapan.

“Kejayaan itu membakar semangat seluruh atlet UPSI untuk bersaing di pentas nasional dan antarabangsa,” ujarnya lagi.



PROGRAM PEMINDAHAN ILMU (KTP) – Pemindahan ilmu bagi bidang perkaitan dan algebra dalam subjek matematik melalui pembangunan bahan bantu mengajar ‘ALGEBASE’..

Program Bengkel Matematik telah diadakan di Pahang, Kedah dan Putrajaya bagi memperkenalkan Kit Algebase sebagai alat bantu PdP. Melalui lima siri bengkel, guru dan murid didedahkan kepada kaedah interaktif dan hands-on dalam memahami konsep Algebra dan Perkaitan, sekaligus meningkatkan minat serta motivasi terhadap Matematik.

ILMU YANG BERJAYA DIPINDAHKAN: Lima sesi pemindahan ilmu dalam bidang perkaitan dan algebra serta latihan Kit Algebase dilaksanakan melibatkan murid Tingkatan 3 dan 4 serta guru Matematik di sekolah-sekolah sekitar Lipis, Kuala Lumpur, Kedah, Kuantan dan Putrajaya.

HASIL AKHIR KEPADA INDUSTRI / KOMUNITI SASARAN: Kit Algebase baharu dihasilkan untuk PdP

Matematik sekolah menengah, khususnya dalam bidang Perkaitan dan Algebra. Ia meningkatkan kompetensi guru, mempelbagai pengajaran serta menggalakkan penglibatan aktif murid dalam suasana pembelajaran yang lebih menarik dan interaktif.

HASIL AKHIR KEPADA PEMBANGUNAN MODAL INSAN: Program ini memberi pengalaman baharu kepada siswazah pelatih dalam pengurusan bengkel, meningkatkan kemahiran insaniah mereka serta merangsang pemikiran kreatif dan kritis sepanjang pelaksanaan program dan pembangunan Kit Algebase untuk pemindahan ilmu yang berkesan.

PULANGAN AKHIR KEPADA IPTA: Kolaborasi dengan

akademia UPSI memperkukuh hubungan dengan sekolah di Pahang, Kedah dan Putrajaya. Justeru, meningkatkan pendaftaran pascasiswazah dalam kalangan guru serta memperkasa kualiti penyelidikan dan perundingan.

ISU/MASALAH/CABARAN KETIKA MELAKSANAKAN PROGRAM: Cabaran termasuk tempoh masa terhad untuk aktiviti hands-on dan jumlah Kit Algebase yang tidak mencukupi bagi peserta ramai.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN: Penyediaan video tutorial dan pembahagian komuniti sasaran kepada kumpulan membantu penggunaan efektif Kit Algebase dalam PdP.

